ملاك هاري اين
Mhi MELAKA HARI INI

Edisi 22 Jun 2020 - 28 Jun 2020 | 30 Syawal 1441H - 6 Zulkaedah 1441H | PP 19464/04/2019 (035072) | Diterbitkan sejak 1982 | www.melakahariini.my | Melakahariini

FOKUS
ISU RAKYAT

Dalam wawancara dengan MHI, Ketua Menteri Melaka, Datuk Haji Sulaiman Md Ali berjanji akan menangani isu-isu rakyat dalam kepimpinannya. Antara lain, beliau menyebut :

- B40 tidak akan terpinggir miliki rumah
- Melaka mohon kelulusan KPKT skim sewa beli PPR
- HSR bakal bawa limpahan ekonomi ke Melaka
- "100 hari bukan datang dari saya seorang"

BERITA LANJUT DI MUKA 2 ,3, 6 &7

Sungai Kesang kian memukau

MUKA 19

Nelayan terkejut naikkan siakap 10kg di tepi pantai

MUKA 8

MU kembali ke padang

MUKA 24

Kekal harga kompetitif

B40 tidak akan terpinggir miliki rumah

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH - Kerajaan Melaka memberi jaminan akan terus mengawal harga rumah bagi memastikan golongan B40 mampu memiliki kediaman sekali gus merealisasikan matlamat kempen Satu Keluarga Sebuah Rumah.

SULAIMAN

Tegas Ketua Menteri, Datuk Haji Sulaiman Md Ali, Dasar Rumah Mampu Milik (RMM) yang dilaksanakan kerajaan negeri berjaya mengawal harga rumah bagi golongan terbabit sehingga menjadikan harga kediaman di Melaka kekal paling rendah di negara ini.

"Menerusi dasar ini, ia dapat menetapkan harga kawalan, spesifikasi dan syarat kelayakan bagi pelbagai jenis rumah. Contohnya Rumah Kos Rendah ditetapkan dari RM35,000 hingga RM42,000 bagi golongan berpendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000 sebulan.

"Bagi rumah Kos Sederhana Rendah pula berharga RM80,000 hingga RM100,000 bagi golongan berpendapatan isi rumah tidak melebihi RM6,000 sebulan dan RMM pula disasarkan untuk golongan berpendapatan isi rumah tidak melebihi RM8,000 sebulan dengan harga RM180,000.

"Untuk makluman Melaka menawarkan harga murah terendah berbanding negeri lain buat masa ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Wawancara Khas bersama Melaka Hari Ini (MHI) di Seri Negeri di sini baru-baru ini.

Sulaiman berkata, selain menetapkan harga kawalan rumah, pihaknya turut melaksanakan Dasar Pecahan Komponen Perumahan dengan mewajibkan pemaju menyediakan kuota bagi rumah kos rendah, rumah kos sederhana rendah dan RMM dalam setiap pembangunan perumahan melebihi 3.2 hektar.

"Bagi setiap pembangunan perumahan melebihi lapan ekar, pemaju tertakluk kepada pecahan komponen perumahan iaitu pembinaan 10 peratus Rumah Kos Rendah, 10 peratus Rumah Kos Sederhana Rendah dan 30 peratus RMM.

"Selepas kuota itu disediakan barulah pemaju dibenar membina kira-kira 50 peratus jenis kediaman Rumah Kos Tinggi melebihi harga RM180,000 dengan 20 peratus daripadanya harus berharga RM400,000," ujarnya.

Selain menyediakan dasar, tambahnya, kerajaan negeri turut memberi alternatif kemudahan pinjaman perumahan kepada rakyat negeri ini melalui Melaka Finance House (MFH) Berhad yang memfokuskan kemudahan pinjaman terutama kepada golongan M40 dan B40 membeli rumah agar mereka tidak terpinggir.



Melaka mohon KPKT beri kelulusan skim sewa beli PPR

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH - Kerajaan negeri akan mengemukakan permohonan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk memberi kelulusan skim sewa beli (Rent To Own) bagi projek Program Perumahan Rakyat (PPR) Krubong dan Tehel.

Ketua Menteri, Datuk Haji Sulaiman Md Ali berkata, kelulusan itu bakal memberi manfaat kepada kira-kira 1,100 penyewa di kedua-dua PPR berkenaan untuk memiliki rumah tanpa perlu membuat pinjaman bank.

"Projek PPR Krubong dan Tehel masing-masing mempunyai sebanyak 600 dan 500 unit rumah. Melalui skim ini (sewa beli), penyewa sedia ada tidak perlu lagi membuat pinjaman bank.

"Sebaliknya, mereka hanya menjelaskan ansuran bulanan kepada kerajaan hingga selesai dan rumah itu akan menjadi hak milik mereka. Melalui skim ini, golongan berpendapatan rendah layak mendapat pembiayaan dengan mematuhi syarat yang ditetapkan," katanya.

Selain itu, ujar Sulaiman, kerajaan negeri turut menggembleng tenaga untuk membangunkan lebih banyak Rumah Mampu Milik bersama-sama agensi kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan bagi membolehkan lebih ramai rakyat berpendapatan rendah dan sederhana memiliki kediaman sendiri.

PROJEK Perumahan Rakyat (PPR) Tehel.

WAKTU SOLAT 22 -28 jun 2020 (30 syawal -6 Zulkaedah 1441H)

	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
22 JUN 2020	5:51	7:06	13:16	16:41	19:22	20:38
23 JUN 2020	5:52	7:06	13:16	16:41	19:23	20:38
24 JUN 2020	5:52	7:06	13:16	16:42	19:23	20:38
25 JUN 2020	5:52	7:06	13:16	16:42	19:23	20:38
26 JUN 2020	5:52	7:07	13:17	16:42	19:23	20:39
27 JUN 2020	5:53	7:07	13:17	16:42	19:23	20:39
28 JUN 2020	5:53	7:07	13:17	16:42	19:24	20:39

> Saya yakin kehadiran pelancong tidak kiralah sama ada bermalam atau sekadar one day trip akan memberi impak yang cukup tinggi untuk menggalakkan sektor pelancongan di Melaka

HSR bakal bawa limpahan ekonomi di Melaka

Projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) bakal disambung kembali melibatkan kos dan skala yang lebih kecil.

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH - Projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi KL-Singapura (HSR) yang akan disambung semula sedikit masa lagi, mampu membawa limpahan ekonomi di Melaka.

Ketua Menteri, Datuk Haji Sulaiman Md Ali berkata, melalui projek tersebut, Melaka bakal mempunyai sebuah stesen terminal perhentian yang dijangka dibina di sini.

Jelasnya, melalui terminal berkenaan, pelancong domestik dan luar seperti Singapura dapat datang ke Melaka dan menggalakkan lagi ekonomi berteraskan pelancongan.

"Sudah pasti Melaka menyambut baik usaha untuk merealisasikan projek HSR ini kerana saya melihat jika perkara ini dapat dilaksanakan, ia berupaya meningkatkan ekonomi persekitaran bukan sahaja di seluruh kawasan terminal, tetapi juga untuk negeri Melaka.

> Sudah pasti Melaka akan menyusun dengan segera perancangan bandar di sekeliling kawasan tersebut supaya dapat mencapai impak yang optimum kepada rakyat dan masyarakat perniagaan di Melaka

"Saya yakin kehadiran pelancong tidak kiralah sama ada bermalam atau sekadar one day trip akan memberi impak yang cukup tinggi untuk menggalakkan sektor pelancongan di Melaka.

"Sudah pasti Melaka akan menyusun dengan segera perancangan bandar di sekeliling kawasan tersebut supaya dapat mencapai impak yang optimum kepada rakyat dan masyarakat perniagaan di Melaka," katanya.

Selain membantu sektor pelancongan, pihaknya juga melihat HSR sebagai antara 'game changer' yang perlu dimanfaatkan kerajaan negeri bagi memastikan seluruh rakyat menerima manfaat besar daripada projek berkenaan.

Terdahulu, media melaporkan Kerajaan Malaysia dan Singapura bersetuju untuk meneruskan kembali projek HSR namun pada skala dan peruntukan lebih kecil berbanding pelan asal.

SEKTOR pelancongan Melaka yang terjejas ekoran pandemik Covid-19 akan dipulihkan dengan segera.

Empat teras pulih pelancongan Melaka

AYER KEROH - Kerajaan negeri menggariskan empat teras utama untuk merancakkan semula industri pelancongan Melaka pasca Covid-19.

Ketua Menteri, Datuk Haji Sulaiman Md Ali berkata, antara teras utama ialah melaksanakan program promosi, pemasaran dan acara pelancongan secara agresif termasuk menggunakan pendekatan media baharu dan media sosial.

Kerajaan negeri ujarnya, turut memberi fokus ke arah pembangunan pelbagai produk pelancongan baharu dan menaik taraf produk sedia ada di samping memberi penekanan kepada produk pelancongan berasaskan warisan dan budaya selaras dengan pengiktirafan Melaka sebagai Bandaraya Warisan Dunia UNESCO.

"Teras ketiga lebih berorientasikan pemerkasaan program penggalakan pelancongan. Kita mengenal pasti beberapa kawasan eco-tourism cluster di bawah 'National Eco Tourism Plan' di tiga zon.

"Ia adalah Melaka Urban Eco tourism Cluster di kawasan Bandar Melaka-Ayer Keroh serta Zon Pelancongan Eko dan Agro iaitu di Jasin-Gunung Ledang-Asahan-Selandar-Bukit Senggeh dan Tanjung Keling-Pengkalan Balak-Sungai Linggi-Tanjung Tuan.

"Dalam teras keempat, kerajaan negeri bercadang melaksana usahasama bersepadu dan strategik antara penggiat industri pelancongan termasuk dengan pengwujudan kemudahan insentif melalui Tabung Infrastruktur Pelancongan yang bermula pada 2016 hingga 2029," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu wawancara khas bersama Melaka Hari Ini (MHI), baru-baru ini.

Bagi memastikan usaha berkenaan direalisasikan, ujar-nya, pihaknya telah mengarahkan pihak yang berkenaan untuk segera melihat kembali jenis-jenis pelancongan yang dapat digerakkan secepat mungkin.

SULAIMAN (tengah) bersama ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Melaka menunjukkan wajah baharu akhbar MHI di Seri Negeri, baru-baru ini.

MHI wadah sebar dasar kerajaan - Ketua Menteri

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH - Melaka Hari Ini (MHI) adalah wadah kerajaan negeri untuk menyebarkan dasar-dasar kerajaan kepada rakyat Melaka.

Ketua Menteri Datuk Haji Sulaiman Md Ali berkata sehubungan itu beliau meminta semua pemimpin di negeri ini memanfaatkan MHI untuk menyampaikan segala maklumat kepada rakyat.

"Jadi, saya meminta semua wakil rakyat dan Pengerusi Jawatankuasa Negeri untuk beri kerjasama dengan MHI dan sentiasa berkomunikasi untuk memaklumkan aktiviti dan kemajuan terkini kawasan masing-masing,".

"Mungkin kita akan adakan kolum-kolum khas yang boleh kita bahagikan slot kepada wakil-wakil rakyat di negeri ini," katanya.

Beliau berucap ketika melancarkan wajah baharu media kerajaan negeri itu di Pejabat Ketua Menteri, di Seri Negeri, di sini.

Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Hasim Hasan dan ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Melaka.

Sulaiman turut merakamkan penghargaan kepada semua warga kerja yang terlibat dalam menjenamakan semula akhbar kerajaan negeri yang diterbitkan sejak 1982.

Menurut beliau, MHI telah melalui beberapa fasa sejak ditubuhkan ketika era ketua-ketua menteri terdahulu sebelum ia dijenamakan semula.

"MHI sudah diguna pakai sejak zaman Tun Datuk Seri (Dr) Haji Mohd Ali Mohd Rustam (menjadi Ketua Menteri). Kini ia dikembalikan semula," katanya.

MHI ke arah transformasi digital

ABDUL Jalil berucap pada majlis pelancaran wajah baharu Melaka Hari Ini.

AYER KEROH - Melaka Hari Ini (MHI) akan mempercepatkan transformasi ke arah digital bagi memastikan segala informasi dapat disebar kepada rakyat dengan lebih mudah dan pantas.

Ketua Pegawai Eksekutif MHI, Datuk Seri Abdul Jalil Hamid berkata, transformasi berkenaan antara salah satu daripada tiga strategi utama yang digariskannya dan mendapat sokongan ahli lembaga pengarah serta Ketua Menteri, Datuk Haji Sulaiman Md Ali selaku Pengerusi.

"Kita sedar zaman sudah berubah. Dunia kini dimonopoli digital media dan kami di pihak MHI perlu terima hakikat media tradisi seperti akhbar harian bukan lagi pilihan utama pembaca memandangkan informasi kini di hujung jari.

"Itulah sebab kita perlu mempercepatkan transformasi digital agar syarikat ini mempunyai digital footprint atau capaian lebih luas untuk menjana pendapatan melalui iklan secara dalam talian," katanya.

Beliau berucap pada majlis pelancaran wajah baharu MHI, di Seri Negeri di sini.

Tambah Abdul Jalil, selain transformasi digital, pihaknya akan menyusun semula syarikat melalui pengurusan kewangan yang lebih cekap demi menjana pendapatan lebih tinggi selain memberi imej baharu kepada Melaka TV.

"Saya berharap dengan sokongan penuh kerajaan negeri, ahli Yang Berhormat, pengiklan dan pembaca, MHI akan menjadi jenama yang lebih kuat sebagai syarikat media ulung, teguh dan dinamik dalam menyebar berita dengan tepat, pantas, padat dan boleh dipercayai.

"Saya memberi komitmen penuh bahawa MHI akan terus menyampaikan informasi dalam usaha membantu meningkatkan ekonomi negeri Melaka pasca Covid-19," ujarnya.

Melaka hari Ini | Melaka TV | Melaka hari Ini
melakahariniofficial | www.melakahariini.my

'100 hari bukan datang dari saya seorang'

AYER KEROH - Ketua Menteri Melaka, Datuk Haji Sulaiman Md Ali menyifatkan kejayaan mewujudkan pelbagai inisiatif kepada rakyat sepanjang 100 hari memimpin negeri bukan hanya datang daripada dirinya sahaja.

Sebaliknya, Sulaiman berkata, semua itu dicapai hasil daripada kerjasama semua yang banyak membantu dalam memudahkan urusan memimpin negeri terutama sepanjang tempoh penularan pandemik Covid-19 yang melanda dunia.

"100 hari ini bukan datang dari saya seorang. Ia hasil semua rakan-rakan, Pengerusi Jawatankuasa Negeri dan wakil-wakil rakyat lain. Jadi 100 hari bukan khusus untuk saya sahaja.

"Tanpa anda semua, saya tidak akan capai 100 hari ini. Jadi, saya ucapkan terima kasih kepada semua di atas kerjasama yang diberikan sehingga cukup 100 hari yang dicapai semalam (16 Jun).

"Saya harap kerjasama dan hubungan erat ini dapat membantu kita semua bekerja sebagai satu pasukan terutama dalam memakmurkan negeri Melaka sepanjang tempoh pasca Covid-19 ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan majlis memotong kek tanda 100 hari memimpin kerajaan negeri Melaka di pejabatnya, di Seri Negeri.

Pada majlis itu, Sulaiman turut melancarkan wajah baharu media kerajaan negeri, Melaka Hari Ini.

AKTIVITI ziarah kasih antara inisiatif dilaksanakan Sulaiman untuk mendengar permasalahan rakyat secara dekat sepanjang 100 hari kepimpinannya.

Wajah baharu MHI cermin citarasa komuniti

Liana Sahabudin

AYER KEROH - Penjenamaan semula MHI mampu memberi impak positif kepada rakyat di negeri ini bagi mendapatkan berita berkaitan perkembangan semasa di negeri ini .

Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh berkata, MHI merupakan medium kepada inspirasi baharu pentadbiran kerajaan negeri.

"Medium ini perlu dipenuhi dengan setiap aspek pembangunan negeri, khususnya sektor pelancongan," katanya

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Kemudahan Awam dan Infrastruktur negeri, Datuk Roslan Ahmad berkata, penjenamaan semula MHI mampu menarik lebih ramai pembaca untuk mengetahui isi kandungan yang disampaikan.

"Saya percaya kepimpinan baharu MHI mempunyai harapan yang tinggi untuk melihat MHI menjadi satu akhbar tabloid di Melaka yang paling diminati dan dikenali seluruh Malaysia," katanya.

Manakala, Pengerusi Jawatankuasa, Kesihatan dan Anti Dadah negeri, Rahmad Mariman berkata, MHI perlu bersaing hingga ke pelusuk negeri bagi membolehkan ia dikenali seluruh komuniti.

"MHI bukan saja menjadi suara kepada kerajaan negeri, tetapi perlu mempunyai elemen-elemen seperti sukan, hiburan dan sebagainya yang memenuhi citarasa pembaca termasuklah hal-hal komuniti," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan negeri, Datuk Muhammad Jailani Khamis berkata, wajah baharu MHI merupakan satu kebangkitan di bawah pengurusan baharu.

"Apabila diterajui oleh orang yang berpengalaman, sudah pasti ketepatan maklumat dalam sesuatu berita itu dapat disampaikan dengan tepat, terkini dan padat," katanya.

Diikuti Pengerusi Jawatankuasa di Jabatan Ketua Menteri (Pendidikan), Pengajian Tinggi, Teknikal dan Vokasional Sains dan Inovasi negeri, Datuk Noor Effandi Ahmad berkata, wajah baharu MHI kini lebih menepati citarasa orang muda.

"'Layout' dan warna dipaparkan lebih menarik, saya sarankan supaya MHI dapat menambat hati orang muda termasuklah mewujudkan ruangan khas untuk golongan ini," katanya.

> "Saya percaya kepimpinan baharu MHI mempunyai harapan yang tinggi untuk melihat MHI menjadi satu akhbar tabloid di Melaka yang paling diminati dan dikenali seluruh Malaysia. - **YB Datuk Roslan Ahmad**

AB Rauf

ROSLAN

NOOR Effandi

RAHMAD

MUHAMMAD Jailani

Pemaju Taman Seri Duyong Seksyen 1 tidak hormat kerajaan negeri

Farah Suhaidah Othman

DUYONG - Pemaju Taman Seri Duyong Seksyen 1 di sini dianggap tidak menghormati kerajaan negeri apabila gagal menghadiri pertemuan yang telah diatur bagi membincangkan masalah dihadapi pembeli rumah di situ.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar Negeri, Datuk Seri Abdul Ghafar Atan berkata, pihaknya juga kecewa dengan tindakan pemaju terbabit yang mengambil sikap lepas tangan terhadap aduan kerosakan rumah yang dikemukakan penduduk.

"Saya amat kecewa kerana perjumpaan ini bukan secara mengejut sebaliknya dirancang, yang mana saya mahu semua pengarah prinsipal ada tetapi pemaju tidak hadir," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke taman berkenaan.

Terdahulu beliau bersama Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Datuk Zainal Abu dan Pengarah Lembaga Perumahan Melaka (LPM), Mohd Salleh Hamidom meninjau kerosakan yang dialami beberapa pemilik rumah di taman terbabit.

Abdul Ghafar berkata beliau telah meminta Datuk Bandar MBMB untuk mengetuai usaha menyelesaikan masalah penduduk terbabit yang mempunyai tempoh sebulan lagi untuk membuat aduan kerosakan.

"Di samping itu, LPM juga akan merujuk perkara ini dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang ada Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah," katanya.

> "Dalam tempoh dua tahun, kita sudah buat berbagai aduan kerana mengalami kebocoran pada siling, dinding retak selain bingkai tingkap bocor namun tiada pembaikan dibuat.

Sementara itu pemilik rumah, Suhaila Abu Hassan, 48 berkata dia dan keluarganya sudah dua tahun berpindah ke kawasan perumahan itu.

"Dalam tempoh dua tahun, kita sudah buat berbagai aduan kerana mengalami kebocoran pada siling, dinding retak selain bingkai tingkap bocor namun tiada pembaikan dibuat," katanya.

Kakitangan awam, Norazlan Chekdi, 38 berkata, pihak pemaju tidak membuat apa-apa tindakan malahan memberikan pelbagai alasan setiap kali dihubungi.

"Kali terakhir ada mereka datang tahun lepas tetapi sekadar meninjau sahaja," katanya.

ABDUL Ghafar (kiri) mendengar penerangan daripada wakil penduduk Taman Seri Duyong Seksyen 1, mengenai kerosakan rumah dialami.

NORAZLAN

SUHAILA

Bahagian 2

"Satu keluarga satu rumah"

ISU rakyat menjadi antara fokus utama Ketua Menteri, Datuk Haji Sulaiman Md Ali dalam memastikan tiada golongan terpinggir di negeri ini.

Melalui wawancara bahagian kedua bersama Melaka Hari Ini (MHI), Sulaiman banyak menyentuh mengenai bagaimana cara untuk membantu rakyat, bukan sahaja dari segi ekonomi sepanjang tempoh pemulihan Covid-19 bahkan turut menyatakan komitmen dalam usaha memastikan rakyat memiliki kediaman sendiri.

Berikut wawancara khas wakil MHI, A. Jalil Hamid dan Yusri Sahat bersama Ketua Menteri.

Bagi teras pertama, kerajaan negeri bercadang melaksanakan Program Promosi, Pemasaran dan Acara Pelancongan secara agresif serta berterusan.

MHI: Sektor pelancongan antara yang terjejas teruk akibat wabak COVID-19 yang melanda dunia. Apakah perancangan kerajaan negeri dalam memulihkan sektor tersebut dalam tempoh jangka masa pendek?

Sulaiman: Semua sedia maklum bahawa Melaka adalah sebuah negeri pelancongan. Yang pasti akibat daripada Covid-19 ini, sektor pelancongan banyak yang terjejas.

Jadi, kita telah memikirkan bagaimana untuk menangani cara memulihkan sektor pelancongan. Secara rumusannya, terdapat empat teras yang dirancang untuk pembangunan industri pelancongan di Melaka.

bagi teras pertama, kerajaan negeri bercadang melaksanakan Program Promosi, Pemasaran dan Acara Pelancongan secara agresif serta berterusan.

Ini termasuklah promosi melalui pelbagai pendekatan media baharu dan media sosial seperti dalam laman web mahupun aplikasi Melaka Excess.

Selain itu, pada tahun ini kerajaan negeri melalui Tourism Melaka merancang melaksanakan sebanyak 74 acara pelancongan bagi menarik lebih ramai pelancong ke Melaka.

Bagi teras 2 pula, kerajaan negeri fokus ke arah pembangunan pelbagai produk pelancongan baharu dan menaik taraf produk sedia ada.

Produk yang ada kita tak boleh biarkan. Kita mesti naiktaraf produk sedia ada supaya pelancong yang mungkin kali kedua datang melihat adanya penambahbaikan produk-produk pelancongan kita.

Kerajaan negeri sentiasa menitikberatkan kesediaan produk pelancongan untuk menerima kehadiran pelancong termasuk dari aspek kebersihan, keselamatan dan keselesaan pelancong.

Kita turut meneruskan penekanan kepada produk pelancongan berteraskan warisan dan budaya selaras dengan pengiktirafan Melaka sebagai Bandaraya Warisan Dunia UNESCO.

Antara yang dilaksanakan adalah Program Old Melaka Heritage Trail yang diperkenalkan sejak 15 April 2013 termasuk Kampung Morten dan Kampung Portugis Heritage Guided Walk yang bermula sejak Mei 2017.

Seterusnya, Teras 3 pula berorientasikan Pemerkasaan Program Penggalakan Pelancongan.

Kerajaan negeri mengenalpasti beberapa kawasan eco-tourism cluster di bawah "National Eco Tourism Plan" di tiga Zon iaitu Melaka Urban Eco tourism Cluster di kawasan Bandar Melaka-Ayer Keroh; Zon Pelancongan Eko dan Agro iaitu Jasin-Gunung Ledang-Asahan-Selandar-Bukit Senggeh dan Tanjung Keling-Pengkalan Balak-Sungai Linggi-Tanjung Tuan.

Bagi Teras 4, kerajaan negeri bercadang melaksana usahasama bersepadu dan strategik antara penggiat industri pelancongan.

Antara usahasama yang dilaksanakan adalah pengwujudan kemudahan insentif melalui Tabung Infrastruktur Pelancongan yang bermula pada 2016 hingga 2029.

> **"Pada tahun ini kerajaan negeri melalui Tourism Melaka merancang melaksanakan sebanyak 74 acara pelancongan bagi menarik lebih ramai pelancong ke Melaka."**

> **Kerajaan negeri menggariskan beberapa polisi dan syarat pembangunan dalam sesebuah projek perumahan di negeri ini yang perlu dipatuhi pemaju bagi memastikan rakyat terutama dari golongan M40 dan B40 tidak terpinggir daripada arus pembangunan dan memiliki kediaman sendiri.**

Itulah antara beberapa usaha yang sedang kita lakukan dengan Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) bersama Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan sedang mempergiatkan usaha berkenaan.

Sepertimana yang diumumkan Perdana Menteri, RM1 bilion untuk membangunkan sektor pelancongan setiap negeri. Saya menyambut baik pengumuman itu dan telah mengarahkan pihak berkenaan untuk segera melihat kembali apakah jenis pelancongan yang boleh kita gerakkan secepat mungkin.

MHI: Kerajaan Malaysia dan Singapura bersetuju untuk menyambung semula perbincangan mengenai Projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi KL-Singapura (HSR) dalam masa terdekat. Sebuah stesen HSR akan turut dibina di Ayer Keroh. Apakah harapan kerajaan negeri terhadap projek tersebut? Apakah jangkaan kerajaan negeri terhadap impak projek itu kepada Melaka?

Sulaiman: Sudah pasti Melaka menyambut baik usaha untuk merealisasikan Projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi KL-Singapura (HSR) ini.

Melaka merupakan salah satu stesen perhentian projek ini. Apabila Melaka menjadi salah sebuah terminal perhentian, limpahan ekonomi di kawasan terminal itu akan turut dapat meningkatkan ekonomi persekitaran seluruh kawasan ini.

Pada masa sama, saya melihat kehadiran pelancong juga akan bertambah sama ada dari utara negara kita atau dari Selatan dan begitu juga luar negara seperti di Singapura dan pelancong yang transit di Singapura.

Saya yakin pelancong ini akan datang ke Melaka. Kalau tidak bermalam pun, mereka boleh 'day trip' di Melaka.

Ini juga memberi impak cukup tinggi untuk menggalakkan sektor pelancongan di Melaka. Sudah pasti Melaka akan menyusun dengan segera perancangan bandar di sekeliling kawasan tersebut supaya dapat mencapai impak yang optimum kepada rakyat dan masyarakat perniagaan di Melaka.

Kerajaan negeri sedar bahawa HSR perlu dilihat sebagai "game changer" yang perlu diambil peluang oleh kerajaan negeri bagi memberi manfaat besar kepada semua rakyat di Melaka.

MHI: Berkaitan perumahan, boleh YAB nyatakan pendekatan kerajaan negeri untuk membolehkan lebih ramai rakyat Melaka berkemampuan membeli rumah sendiri?

Sulaiman: Matlamat utama kerajaan negeri adalah untuk menyediakan rumah mampu dimiliki, selesa diduduki, selamat dan berkualiti.

Ini selaras hasrat kerajaan negeri mensasarkan 'Satu Keluarga Sebuah Rumah' bagi setiap penduduk dan rakyat di negeri ini.

Kerajaan negeri menggariskan beberapa polisi dan syarat pembangunan dalam sesebuah projek perumahan di negeri ini yang perlu dipatuhi pemaju bagi memastikan rakyat terutama dari golongan M40 dan B40 tidak terpinggir daripada arus pembangunan dan memiliki kediaman sendiri.

Perkara utama bagi memastikan pembangunan Rumah Mampu Milik (RMM) ini tercapai adalah dengan memperkenalkan Dasar RMM. Antara dasar yang kerajaan negeri laksana dan dikuatkuasakan adalah termasuk:

Menetapkan harga kawalan, spesifikasi dan syarat kelayakan bagi Rumah Kos Rendah iaitu dari RM35,000 hingga RM42,000 dengan keluasan 750 kaki persegi (3 bilik tidur, 2 bilik air) bagi golongan berpendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000 sebulan.

Rumah Kos Sederhana Rendah berharga RM80,000 hingga RM100,000 dengan keluasan 850 kaki persegi (3 bilik tidur, 2 bilik air) bagi golongan berpendapatan isi rumah tidak melebihi RM6,000 sebulan.

RMM iaitu tidak melebihi RM180,000 dengan keluasan 1,000 kaki persegi (3 bilik tidur, 2 bilik air) bagi golongan berpendapatan isi rumah tidak melebihi RM8,000 sebulan.

Untuk makluman, Melaka menawarkan harga terendah berbanding negeri lain.

Dasar Pecahan Komponen Perumahan, di mana bagi setiap pembangunan perumahan yang melebihi 3.2 hektar, pemaju adalah tertakluk kepada pecahan komponen perumahan iaitu pembinaan 10 peratus Rumah Kos Rendah; 10 peratus Rumah Kos Sederhana Rendah.

Sebanyak 30 peratus RMM, sebelum dibenarkan untuk membina kira-kira 50 peratus jenis kediaman Rumah Kos Tinggi melebihi harga RM180,000 dengan 20 peratus daripadanya harus berharga RM400,000.

Kerajaan Melaka juga menggembleng tenaga melalui agensi kerajaan negeri dalam pembangunan RMM seperti Lembaga Perumahan Melaka (LPM), Yayasan Melaka dan PERTAM.

Selain dengan Kerajaan Pusat dalam pembangunan RMM di negeri ini melalui agensi Jabatan Perumahan Negara (JPN) menerusi Program Perumahan Rakyat (PPR); Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) bagi program Rumah Mesra Rakyat (RMR) dan Rumah Idaman Rakyat.

PR1MA Berhad menerusi Rumah PR1MA dan Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) untuk program rumah penjawat awam.

> **Melaka merupakan salah satu stesen perhentian projek ini. Apabila Melaka menjadi salah sebuah terminal perhentian, limpahan ekonomi di kawasan terminal itu akan turut dapat meningkatkan ekonomi persekitaran seluruh kawasan ini.**

Kerajaan negeri akan mengemukakan permohonan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya memberi kelulusan skim sewa beli (Rent to Own) bagi projek PPR Krubong (600 unit) dan PPR Tehel (500 unit).

Melalui skim ini, penyewa tidak perlu lagi membuat pinjaman bank bagi membiayai pembelian rumah mereka sebaliknya hanya menjelaskan ansuran bulanan kepada kerajaan sehingga selesai sebelum rumah itu menjadi hak milik mereka.

Melalui skim ini semua orang yang berpendapatan rendah adalah layak mendapat pembiayaan dengan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan kerajaan.

Kerajaan negeri juga memberi alternatif kemudahan pinjaman perumahan kepada rakyat negeri ini melalui Melaka Finance House Berhad yang akan memfokuskan kemudahan pinjaman terutama kepada golongan M40 dan B40 untuk membeli rumah.

MHI: Adakah isu-isu membabitkan projek terbengkalai serius di Melaka?

Sulaiman: Projek-projek terbengkalai ini pada keseluruhannya tidak banyak di Melaka.

Semua projek terbengkalai biasanya akan segera diselia dan dipantau pihak LPM untuk memastikan ia dilaksanakan dan akhir sekali dapat dimiliki oleh rakyat Melaka khususnya.

Terkejut dapat siakap tepi pantai

Din Ahmad

TANJUNG BIDARA - 2 nelayan terkejut apabila berjaya menaikkan ikan siakap seberat 10.8 kilogram (kg) di tepi pantai Kampung Sungai Tuang, di sini baru-baru ini.

Ini kerana spesis ikan itu lazimnya hanya boleh ditangkap di tengah laut.

Mohd Ali Abu Bakar, 50, tidak menyangka rawai, iaitu alat menangkap ikan berbentuk 200 mata kail yang dipasang umpan ikan selangat sebelum dibuang ke dalam laut kira-kira 800 meter dari pantai di kampung itu mampu memerangkap ikan berkenaan.

Mohd Ali yang telah menjadi nelayan sejak berusia 15 tahun itu berkata, dia dan awak-awak, Mohd Amin Fuad Ramli, 24, membuang rawai tersebut ke dalam laut pada jam 6 petang pada 15 Jun lalu.

"Kami membiarkan rawai itu semalaman dalam laut sebelum menariknya pada jam 7 pagi keesokannya dan ketika menariknya, rawai terasa berat dan saya mula syak memang sudah mengena ikan besar.

"Setiap kali saya tarik tali rawai, ikan itu menyentap kuat dan saya terpaksa melepaskan sedikit tali rawai supaya tali tangsi tidak putus," katanya ketika ditemui di pangkalan nelayan Kampung Pengkalan Balak, di sini.

Beliau berkata selepas bermain 'tarik tali' selama kira-kira 10 minit, akhirnya ikan siakap itu berjaya dinaikkan ke permukaan laut sebelum dibawa ke pangkalan nelayan tersebut.

Mohd Ali menghubungi beberapa rakan yang lazimnya berminat membeli ikan bersaiz besar untuk dijadikan hidangan keluarga.

Ikan tersebut, katanya, telah dijual dengan harga RM270 kepada salah seorang rakan tersebut.

Namun Mohd Ali berkata harga ikan siakap itu tidak dapat menandingi harga ikan senohong seberat 9.3 kg yang ditangkapnya, di perairan itu kira-kira satu batu nautika dari pantai Tanjung Bidara pada 6 Jun lalu.

Katanya ikan senohong itu dijual kepada seorang peraih dengan harga RM500.

"Setiap kali saya tarik tali rawai, ikan itu menyentap kuat dan saya terpaksa melepaskan sedikit tali rawai supaya tali tangsi tidak putus."

MOHD Ali menunjukkan ikan siakap seberat 10.8 kg yang ditangkap di perairan tepi pantai Kampung Sungai Tuang, Masjid Tanah.

MOHD Ali mempamerkan ikan senohong seberat 9.3 kg yang bernilai RM500.

Penduduk bahagia, Jasin tenang, mendamaikan

Farah Suhaidah Othman

BEMBAN - Pembangunan yang tidak terlalu pesat diikuti persekitaran mendamaikan antara faktor penduduk daerah ini merasa tenang dan bahagia.

SUHAIZAN

Seorang penjawat awam, Suhaizan Noh, 42, berkata, dia yang merupakan anak jati Jasin akan terus menetap di daerah ini kerana masih mengekalkan suasana kampung.

Tambahan lagi katanya, pembangunan yang tidak terlalu pesat memenuhi kehendaknya untuk membangunkan keluarga bahagia.

"Jasin menepati kriteria sebagai bandar bahagia kerana tenang dan tiada masalah jenayah yang serius selain kurang kesesakan trafik ber-banding bandar besar.

"Kita di sini pun tidak dibebani dengan masalah kehidupan yang men-desak dan penduduk setempat juga pera-mah," katanya yang menetap di Kampung Abbey, Nyalas di sini.

Sementara itu, Syida Abu Bakar, 32, pula berkata, dia baru berpindah dari Ampang ke daerah ini setahun lalu selepas mendapat tawaran kerja di Melaka.

SYIDA

"Setakat ini saya rasa tenang dan bahagia kerana suasana serta persekitaran daerah ini tenang dan mendamaikan berbanding ketika bekerja di Kuala Lumpur.

"Walaupun baharu sahaja menetap di sini, namun saya berasa semakin selesa dan dapat menyesuaikan diri serta akan terus menetap di sini untuk memulakan kehidupan baharu," katanya.

Pada 1 Jun lalu, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) menyenaraikan 10 Bandar Paling Bahagia 2019 yang diiktiraf menlalui Kajian Indeks Kebahagiaan.

Jasin yang berada di bawah Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) menduduki tempat kelapan daripada senarai 10 bandar berkenaan.

MELAKA HARI INI
NO.TEL : 06 - 251 9314, 06 - 251 9315
FAX : 06 - 251 9316

EDITORIAL
Ketua Pengarang YUSRI SAHAT yusri.sahat@gmail.com
Pengarang ROSHIDI ABU SAMAH roshidiabusamah@gmail.com
Penolong Pengarang AHMAD FUAD RAMDAN fuadramdan9@gmail.com

WARTAWAN
LIANA SAHABUDIN lilyann90@gmail.com
MOHD FAZRUL ABDUL MAJID fazrul.melakakini@gmail.com
NURSALIA SALBERI saliasalberi@gmail.com
FARAH SUHAIDAH OTHMAN farahsuhaidah@gmail.com
MOHD FAIZ ABU HASAN faizhasan1848@gmail.com

PEMASARAN
Pengurus MUHAMMAD HAMZI ROSMANI amz.melakakini@gmail.com 018 - 329 9936
ZUL RAHIMI RAMLI mk7.zul@gmail.com
SITI NAJIHA ABDULLAH iehanajihah0@gmail.com

DIGITAL
Pengurus RAFIE JAMALUDIN rafie.melakakini@gmail.com
HANALIZA JUMINGAN hanaliza.mk@gmail.com

COPYWRITER
MOHD HAMZATUL AKMAR MD ZAKARIA Konohamaru87@gmail.com
MOHD FADZLY MOHD IZAB fadzly.izab@gmail.com

UNIT IT
Ketua NAZARUL AZHAM IBRAHIM nazarulazham@gmail.com

UNIT IT MEDIA SOSIAL
NURUL FATIN AMIRAH TAHIR nurulfatira.11 @gmail.com
SHARIFAH NORKHALIDAH SYED KHAIDZIR khalidah.melakakini @gmail.com

MELAKA TV
PENOLONG PENGURUS ASHALIA YUSOF ashaliayusof@gmail.com
penyunting video RABIAH OSMAN osmanrabiah@gmail.com
Jurukamera ISMAIL IBRAHIM dakmail92@ gmail.com
AUFA IZZATI AHMAD ZAILANI aufaizzati98@gmail.com
wartawan penyiaran MOHAMAD FARIS HAIKAL farishaikal@gmail.com
AMIRUL RAMLI amirulramli@ gmail.com

Taman Paya Rumput Utama
CHENG
Hak Milik Kekal
Siap dengan CCC
Sedia Dikunjungi
Bumiputera sahaja
Rumah Berkembar 2 Tingkat 40' x 80'
Rumah Teres 2 Tingkat 22'/24'x 70
Rumah Berkembar 1 Tingkat 40' x 80'
PELAN LOKASI
Pemaju: HARTAMAS INDAH SDN. BHD. (755259M)
張兄弟發展有限公司
TEOBROS DEVELOPMENT SDN. BHD.
(Co. No. 352220-A)
REHDA
Lot 81 & 88, Jalan IKS M/J 3, Kawasan Perindustrian
Malim Jaya, 75250 Melaka, Malaysia. Fax: 06- 336 0551
06- 334 5555
www.teobros.com

Taman Puncak Bertam
Hak Milik Kekal
Sedia Dikujungi
Siap dengan CCC
Bumiputera sahaja
Taman Puncak Bertam
Tmn. Asean
Melaka
瑪琳華小
Jalan Pulau Gadong
Kg. Pulau Gadong
BHP
Jalan Malim
Cheng Height Condominium
Jalan Tun Teja
Sek Keb Malim
S.M.K. Malim
Tmn. Melodeka
Jln Chengs - Tanjung Kling
Cheng Business Point
Jalan Kyoong
TESCO (Cheng)
Alor Gajah
Rumah Berkembar 2 Tingkat 40' x 80'
Rumah Teres 2 Tingkat 22'/24' x 70'
Rumah Teres 2 Tingkat 22' x 70'
Rumah Berkembar 2 Tingkat 40' x 80'
发展商：
張兄弟發展有限公司
TEOBROS DEVELOPMENT SDN. BHD.
(Co. No. 352220-A)
Lot 81 & 88, Jalan IKS M/J 3, Kawasan Perindustrian Malim Jaya,
75250 Melaka, Malaysia. Fax: 06- 336 0551
REHDA
06- 334 5555
www.teobros.com

BERSATU TEGUH
MELAKA
Tahniah
100 HARI
KEPIMPINAN
YAB DATUK HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
16 JUN 2020
Ikhlas Daripada
YAYASAN MELAKA
Pengurus Besar, Pengurusan
& Warga Yayasan Melaka

MIMBAR MAIM Mhi EDISI KHAS

EDISI 22 JUN 2020 - 28 JUN 2020

"Perumpamaan (nafkah yang dikeluarkan oleh) orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah adalah serupa dengan sebutir benih yang menumbuhkan tujuh bulir. Pada tiap-tiap bulir seratus biji. Allah melipat gandakan (ganjaran) bagi sesiapa yang Dia kehendaki, dan Allah Maha Luas (kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui."

(Surah al-Baqarah ayat : 261)

MANFAAT PAHALA WAKAF

WAKAF dari segi bahasa bermaksud berhenti, menegah dan menahan manakala dari segi istilah, wakaf adalah menahan benda agar tidak dimiliki serta supaya manfaatnya boleh disedekahkan..

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

WAKAF dari segi bahasa bermaksud berhenti, menegah dan menahan manakala dari segi istilah, wakaf adalah menahan benda agar tidak dimiliki serta supaya manfaatnya boleh disedekahkan.

Maka, jadilah pemilikan harta itu beralih kepada pemilikan Allah SWT dan pahala ganjarannya akan bertambah selagi mana ianya dimanfaatkan sebaiknya.

Dalam sebuah hadis diriwayatkan daripada Abu Hurairah, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Apabila matinya seorang manusia, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya."

Dapat difahami, wakaf diertikan sebagai amalan menyerahkan sebahagian harta

dimiliki untuk dimanfaatkan masyarakat bertujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Wakaf memutuskan segala bentuk hak dan penguasaan pewakaf ke atas harta yang dwakafkan.

Orang yang mewakafkan hartanya akan diganjarkan pahala berkekalan selama mana harta wakaf itu masih ada dan terus dimanfaatkan serta tidak musnah.

Sudah tentu ia berbeza dengan sedekah lain sebagai contoh seseorang mewakafkan wang RM10 untuk pembinaan masjid dan selagi masjid itu kekal, selagi itu pahala akan mengalir kepada pewakafnya.

Sedekah pula seperti seseorang menyedekahkan RM10 kepada peminta sedekah yang mana wang berkenaan itu digunakan untuk membeli makanan bagi menghilangkan kelaparan.

Setelah makanan itu habis, pahala sedekah hanya setakat itu saja.

Oleh itu, di samping melakukan sedekah, rebutlah peluang untuk berwakaf sama ada dalam bentuk wang tunai, aset dan sebagainya.

Dalam waktu yang sama, dengan aktifnya pengurusan wakaf yang efisyen melalui Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), ianya mampu menjana ekonomi umat Islam khususnya dalam membantu golongan asnaf di negeri ini.

> **"Orang yang mewakafkan hartanya akan diganjarkan pahala berkekalan selama mana harta wakaf itu masih ada dan terus dimanfaatkan serta tidak musnah."**

MAIM juga akan memastikan proses pengurusan tanah wakaf bukan sahaja terarah kepada pewakafan masjid dan tanah perkuburuan tetapi turut mengembang baik manfaat tanah wakaf melalui pembinaan ruang niaga bagi golongan asnaf mengetengahkan produk mereka.

Manfaat yang ada juga perlu digunakan dengan sebaiknya oleh golongan asnaf bagi menaik taraf kehidupan mereka di masa akan datang.

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

LENSA AKTIVITI WAKAF MAIM

KETUA Unit Siasatan Wakaf MAIM, Nasri Buchik mengadakan lawatan kerja ke Masjid Kariah Serkam Darat.

BINCANG... Ahli jawatankuasa Masjid Kariah Serkam Pantai bersama Unit Siasatan Wakaf MAIM meninjau beberapa tanah wakaf dalam kawasan kariah berkenaan bagi tujuan pembangunan demi maslahat bersama.

PENOLONG Setiausaha Bahagian Wakaf MAIM, Joriza Jauhari, menyampaikan sijil penghargaan kepada Jaharah Md Arop yang tekah mewakafkan tanah di atas lot 25939, Mukim Bukit Katil bagi tujuan tapak surau kawasan berkenaan.

UNIT Siasatan Wakaf MAIM mengadakan perbincangan bersama ahli jawatankuasa Masjid Kariah Pegoh daerah Alor Gajah bagi tujuan pembelian tapak masjid sediada.

Terapkanlah nilai murni anak-anak ketika kecil

Datuk Hj. Ibrahim Bin Fadzil
Ketua Pegawai Eksekutif,
Zakat Melaka,
Majlis Agama Islam
Melaka.

MELENTUR buluh biarlah daripada rebungnya peribahasa ini amat sinonim digunakan bagi menerap nilai murni anak-anak dari kecil sehinggalah mereka dewasa kelak. Anak yang baru dilahirkan di ibarat seperti kain putih yang tiada dosa dan sentiasa menjadi idaman pada pasangan yang berkahwin. Anak-anak ini dibentuk dari segi akhlak, tingkah laku, percakapan, perbuatan dan ibadah rohaniah supaya menjadi insan yang berguna di dunia mahupun di akhirat kelak.

Justeru itu, ibu bapa haruslah berperanan mendidik anak-anak kearah kebaikan supaya mereka dewasa nanti akan berbakti kepada keluarga, agama, bangsa dan negara.Tidak dinafikan tanggungjawab seorang yang bergelar ibu bapa ini sememangnya amatberat dan mencabar.Setiap ibu bapa mahukan yang terbaik untuk anak-anak mereka, dan mengharapkan agar mampu membesarkan mereka supaya menjadi manusia yang mempunyai akhlak dan peribadi yang tinggi serta mulia. Ibu bapa memainkan peranan penting dalam mendidik dan memberi asuhan yang sempurna kepada anak-anak.

Pada masa kini, masalah keruntuhan akhlak semakin meruncing di kalangan remaja. Ianya menjadi salah satu faktor utama kepada kes-kes jenayah seperti pembuangan bayi, penagih dadah, seks bebas, mencuri dan sebagainya. Sekiranya permasalahan ini tidak dibendung dengan segera, negara akan menghadapi kerugian sosial dan ekonomi. Hal ini kerana, pemasalahan sosial dan ekonomi semakin berleluasa sekaligus mewujudkan masyarakat yang tidak sihat dan keruntuhan akhlak dan moral serta peningkatan pengangguran pekerjaan yang amat serius.

Antara langkahutama yang perlu diambil untuk mengatasi masalah inidengan

menerapkan nilai-nilai murni ke dalam diri setiap individu bermula daripada pendidikan awal kanak-kanak lagi. Sehinggakan mereka tahu keadaan dan perbuatan itu baik ataupun tidak baik. Ini bermulanya pendidikan di rumah oleh ibu bapa dan seterusnya pendidikan di sekolah-sekolah bagi mengukuhkan lagi jati diri dah sahsiah moral anak-anak.

Pada waktu itu, perkembangan otak anak-anak lebih mudah dan senang berhubung sewaktu mereka masih kecil. Anak-anak akan mula menggunakan akal fikirannya ketika berumur 6 tahun. Mereka mula memberi perhatian terhadap tingkah laku ibu bapanya dan mempunyai perasaan ingin tahu terhadap sesuatu perkara yang baru. Prinsip pendidikan Islam menekankan, saat kritikal dalam proses pembinaan teras nilai murni, akhlak mulia, kasih sayang dan komunikasi mesra bermula dari awal kehidupan anak sehinggalah mereka mencapai usia baligh.

Peranan ibu bapa adalah menunjukkan tauladan yang baik kepada anak-anak. Ibu bapa merupakan rujukan pertama anak-anak dalam pembentukan sahsiah diri. Ibu bapa merupakan insan yang paling penting dalam hidup anak-anak dan mereka perlu sedar akan kepentingan menerap nilai ini di usia muda supaya nilai ini menjadi asas kepada pegangan hidup anak-anak itu nanti.

Selain daripada itu, ibu bapa juga boleh memberi galakkan kepada anak-anak mereka menyertai pelbagai aktiviti kemasyarakatan yang bertujuan mendidik mereka memahami kesusahan orang lain. Sebagai contoh ialah dengan mengajak anak-anak kita bersedekah serta menghulurkan ban-tuan kepada orang-orang yang memerlukan. Hal ini secara tidak langsung akan me-wu-judkan sikap prihatin dan sayang me-nyayangi serta memberi kesedaran kepada anak-anak kita tentang betapa pentingnya nilai murni dalam kehidupan seharian.Sehingga kelak nanti mereka akan tahu tentang kewajipan berzakat sepertimana yangtelah termaktub di dalam Rukun Islam yang ke-3.

Disamping itu, ibu bapa perlu berikan didikan agama yang sempurna kepada anak-anak untuk memupuk sikap saling hormat-menghormati. Kebanyakkan ibu bapa masa kini terlalu mengejar kemewahan dan keselesaan hidup sehingga mengabaikan tanggungjawab mereka untuk menyemai nilai murni kepada anak-anak. Mereka menganggap bahawa didikan agama tidak lagi penting. Pada hakikatnya, didikan agamayang sempurna perlu dilakukan sejak dari kecil lagi. Ibu bapa juga seharusnya menghantar anak-anak mendalami ilmu agama agar mereka dapat menjadi insan yang lebih sempurna.Sebagaimana firman

Pada masa kini, masalah keruntuhan akhlak semakin meruncing di kalangan remaja. Ianya menjadi salah satu faktor utama kepada kes-kes jenayah seperti pembuangan bayi, penagih dadah, seks bebas, mencuri dan sebagainya.

Allah SWT di dalam Surah at-tahrim ayat 6, Yang bemaksud : **"Wahai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu; penjaganya malaikat-malaikat yang kasar, keras, dan tidak menderhakai Allah SWT terhadap apa yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan."**

Sesungguhnya anak-anak adalah amanah yang amat ternilai dianugerahkan oleh Allah SWT kepada ibu bapa. Ibu bapa bertanggungjawab ke atas didikan anak-anak ke arah kebaikan khususnya didikan agama yang sempurna supaya anak-anak dapat menilai sesuatu perkara itu baik ataupun tidak baik, seterusnya dapat membanteras gejala-gejala sosial yang semakin meruncing pada masa kini.

Sekian terima kasih.

BERSATU TEGUH
MELAKA
Tahniah
100 HARI
KEPIMPINAN
YAB DATUK HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
16 JUN 2020
Ikhlas Daripada
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA
Ahli Lembaga Pengarah,
Setiausaha & Seluruh Warga Kerja
Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)

BERSATU TEGUH
MELAKA
Tahniah
100 HARI
KEPIMPINAN
YAB DATUK HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
16 JUN 2020
Ikhlas Daripada
YB DATUK SERI AB RAUF YUSOH
SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA

Terima kasih wira barisan hadapan

PROFESOR MADYA DR. NORLIAH KUDUS
Timbalan Dekan Pembangunan Pelajar
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

> **Ya Allah Ya Rahman Ya Rahim, Engkau ampunilah dosa-dosa kami. Engkau rahmatilah diri kami, keluarga kami dan negara kami. Engkau Lindungilah hamba-hamba-Mu yang kerdil ini dari segala musibah.**

MASYARAKAT dunia termasuk kita tidak akan melupakan detik bersejarah dan bermakna ini walaupun ia bukanlah kenangan manis untuk kita kenang.

Semuanya kerana Novel Coronavirus (Covid-19) - suatu penyakit pandemik yang diwartakan sejak 18 Mac lalu.

Mungkin ramai dalam kalangan kita yang mengeluh dengan langkah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diumumkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin melalui nasihat Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Apapun ini adalah langkah terbaik demi menjaga kesejahteraan rakyat.

Terdapat beberapa fasa yang ditempuh rakyat bermula 18 Mac-31 Mac 2020 (Fasa 1), 1 April-14 April (Fasa 2) dan 15 April-28 April (Fasa 3).

Ia kemudian disambung bermula 29 April-12 Mei (Fasa 4), 13 Mei-27 Mei (Fasa 5), 28 Mei-9 Jun (PKP Bersyarat) dan 10 Jun-24 Jun (PKP Pemulihan).

Paling mencabar pastinya petugas barisan hadapan (doktor, jururawat, petugas kesihatan dan sukarelawan) yang tidak pernah jemu menjalankan tugas.

Tidak mudah sebenarnya menggalas amanah ini kerana setiap hari mereka akan berhadapan dengan 1,001 karenah dan alasan manusia.

Begitu juga dengan anggota pasukan keselamatan (polis, anggota tentera dan RELA) yang bertungkus lumus menjalankan tugas demi memastikan rakyat keseluruhannya patuh kepada fasa PKP.

Sudahlah berhadapan dengan pelbagai risiko, berjauhan dengan keluarga, pastinya sokongan emosi dan semangat amat diperlukan bagi memastikan mereka terus kuat mengharungi hari-hari mendatang.

Semuanya demi memastikan krisis penularan wabak Covid-19 tidak terus merebak.

Pandemik Covid-19 ini pastinya memberi peringatan kepada masyarakat dunia supaya menghargai nyawa dan orang-orang yang kita sayang.

Nikmat manakah lagi yang kita telah dustakan? Apapun, marilah kita bersyukur dan berterima kasih.

Melakukan kebaikan antara satu sama lain dan menyokong antara satu sama lain. Kita mesti menang dan kita jaga kita.

Penulis percaya bahawa sepanjang musim PKP, terdapat golongan ibu yang banyak masa di rumah, mencuba pelbagai resipi masakan baharu untuk hidangan seisi keluarga.

Tidak kurang juga golongan bapa yang menggunakan peluang duduk rumah untuk bersolat jemaah bersama keluarga dan membantu mengemaskan kawasan sekeliling rumah.

Ramai juga rakyat Malaysia yang kreatif dengan menggunakan media sosial seperti facebook, twitter dan instagram untuk berkongsi aktiviti harian.

> Sama ada kita berjaya atau tidak, ia bergantung kepada kita untuk menerajui perjuangan ini dan melakukan yang terbaik demi raja dan negara.

Ada juga menggunakan skype atau face time untuk berhubung dengan rakan sekerja dan berbual bersama keluarga tersayang.

Saya juga melaksanakan kuliah secara online dengan pelajar universiti saya dan bermesyuarat secara online dengan rakan-rakan fakulti.

Bagi menghargai petugas barisan hadapan negara, Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong juga menzahirkan penghargaan kepada petugas barisan hadapan yang berjuang mengekang wabak Covid-19 tanpa mengira masa dan lelah.

Seri Paduka Baginda turut berkongsikan foto keluarga dan menyertai keindahan 'Program Limpahan Lampu Biru' di seluruh bangunan istana menerusi hantaran foto di Instagram rasmi Istana Negara.

Kempen Limpahan Lampu Biru 'Lite it Blue' selama empat malam anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan mencetuskan panorama menarik di ibu negara.

Sebanyak 38 bangunan ikonik dan kawasan terpilih di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan dinyalakan lampu berwarna biru yang tertera ucapan penghargaan sebagai tanda sokongan kepada petugas barisan hadapan.

Penulis sungguh teruja dan terkesan dengan titipan doa yang dibacakan Perdana Menteri. Mudah-mudahan titipan doa Perdana Menteri yang menjadi senjata dan ikhtiar kita dalam menangani krisis yang melanda negara.

Mudah-mudahan Allah SWT memelihara dan melindungi kita semua. Doa ini dituliskan kembali untuk tatapan semua pembaca setia Melaka Hari Ini (MHI).

"Ya Allah Ya Rahman Ya Rahim, Engkau ampunilah dosa-dosa kami. Engkau rahmatilah diri kami, keluarga kami dan negara kami. Engkau Lindungilah hamba-hamba-Mu yang kerdil ini dari segala musibah.

"Engkau jauhilah diri kami dari segala penyakit yang merbahaya dan wabak yang mengancam nyawa. Engkau hindarilah kami dari bala yang berat dan takdir yang buruk."

"Ya Allah Ya Rahman Ya Rahim, Engkau berilah kekuatan, kecekalan dan kesabaran kepada kami untuk menghadapi dugaan-Mu yang berat ini. Engkau tiupkanlah ketenangan dalam jiwa kami. Sesungguhnya setiap dugaan yang Engkau turunkan kepada kami Ya Allah, tiadalah ia melainkan untuk meningkatkan ketakwaan dan keimanan kami kepada-Mu."

"Ya Allah Ya Rahman Ya Syaafi, Engkau berikanlah kesembuhan kepada saudara-saudara kami yang dijangkiti wabak Coronavirus, walau di mana sahaja mereka berada. Sesungguhnya tiada penyakit yang tidak dapat Engkau sembuhkan Ya Allah, tiada mara bahaya yang tidak dapat Engkau jauhinya dari kami Ya Allah. Kami bermohon kepada-Mu Ya Allah, lindungilah kami, selamatkanlah kami, sejahterakanlah kami."

Kami rakyat Malaysia merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada syarikat korporat dan swasta, organisasi kebajikan, organisasi sukarelawan dan pelbagai badan bukan kerajaan (NGO) yang sentiasa prihatin membantu golongan memerlukan bantuan terutama barang makanan asas.

Ini termasuk institusi zakat di seluruh negeri yang turut sama memberi bantuan kepada golongan asnaf dan mereka yang layak menerima bantuan akibat dugaan hidup yang sukar ini.

Kini tiada lagi sidang akhbar harian Covid-19. Apa yang pastinya semua akan merindui wajah Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah yang tanpa jemu menyampaikan info terkini Covid-19 setiap hari sepanjang tempoh PKP.

Kita juga cukup teruja dan terkesan dengan kata-kata beliau dalam sidang media harian iaitu 'mendatarkan lengkung graf' bersama dengan pesanan 'kita lakukan ini bersama' dan 'kita harus menang'.

Pesan beliau lagi 'sama ada kita berjaya atau tidak, ia bergantung kepada kita untuk menerajui perjuangan ini dan melakukan yang terbaik demi raja dan negara.'

Terdapat ribuan kapsyen dan hashtag yang dibuatkan rakyat Malaysia di media sosial sebagai tanda sokongan kepada petugas barisan hadapan dan menghapuskan rantaian Covid-19 ini.

Antara yang popular ialah #stayathome, #stayhome, #staysafe,#stayhealthy, #covid19malaysia, #lawancovid19, #dudukrumah, #kitajagakita, #kitamestimenang, #petugasbarisanhadapan, #frontlinerscovid19.

Penulis sungguh teruja dan tertarik dengan ucapan pelbagai bahasa ibunda Sarawak yang berbunyi 'Stay at home, Renah di rumah, Diau ba rumah, Kuduk gak lebuk, Pelak mai umak, Mende de ramin, Dai zai jiali'.

Semoga dalam PKPP ini, ekonomi Malaysia akan kembali pulih dan rantaian penyakit Covid-19 akan berjaya dihapuskan.

Marilah kita berwaspada apabila berurusan dengan orang lain. Semoga kita semua bersedia yang kehidupan norma baharu yang lebih selesa dan bahagia.

Hargailah kesihatan dan nyawa orang lain seperti kita menghargai kesihatan dan nyawa sendiri.

Setinggi-tinggi terima kasih kepada semua petugas barisan hadapan. Andalah wira negara yang kami sayangi. Jaga kesihatan anda dan terus cekal berkhidmat untuk negara.

Thank you! To all our frontliners wherever you are, you are our hero! Terima kasih.

Usah ambil mudah sakit bahu

Farah Suhaidah Othman

AYER KEROH - Ramai pesakit yang mengambil mudah apabila mengalami kesakitan di bahagian bahu, sama ada lenguh atau pun sengal bahu.

Alasan mereka mungkin disebabkan faktor posisi tidur yang salah mahupun kesan mengangkat barang yang berat.

Namun jika kesakitan itu berlarutan tanpa diberi rawatan, ia mampu memberi kesan negatif kepada emosi dan fizikal, sekaligus mendatangkan tekanan atau depresi kepada pesakit.

Pakar Ortopedik Pantai Hospital Ayer Keroh, yang juga merupakan pakar sendi bahu dan lutut, Brigedier Jeneral (Bersara) Datuk Dr Muhammad Fuad Daud berkata, bahu merupakan salah satu anggota badan yang paling banyak melakukan pergerakan, menyebabkan risiko untuk kecederaan adalah tinggi.

Menurutnya, hampir 15 daripada 1,000 orang setahun secara purata-nya mengadu mengalami masalah sakit bahu.

"Angka itu bagaimanapun setakat kes yang dilaporkan sahaja kerana kebanyakan pesakit memandang remeh terhadap kesakitan bahu dan tidak mahu mendapatkan rawatan di hospital.

"Masalah kesakitan bahu boleh dikenal pasti dan dirawat cuma kadang-kadang pesakit yang sakit bahu ini mereka lebih suka rawat sendiri, letak ubat dan sebagainya.

"Sebab itu kita perlu memberi kesedaran kepada orang ramai supaya mendapatkan rawatan seawal yang boleh bagi mengenal pasti punca sakit bahu itu," katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini di pejabatnya di hospital berkenaan.

Dr Muhamad Fuad yang mempunyai pengalaman 25 tahun dalam bidang perubatan menjelaskan kesakitan bahu terjadi kebiasaannya akibat daripada kecederaan atau penggunaan yang berlebihan (overuse).

Kesannya kedudukan tulang sendi berubah menyebabkan berlakunya kesempitan (impingement) ketika pesakit mengangkat tangan. Ini menyebabkan kesakitan pada tisu di bahagian bahu pesakit tersebut.

Kebiasaannya golongan muda yang mengalami masalah bahu lebih menjurus kepada tulang bahu tercabut (dislocation) atau kecederaan urat.

Beliau berkata, kebiasaannya golongan muda yang mengalami masalah bahu lebih menjurus kepada tulang bahu tercabut (dislocation) atau kecederaan urat.

"Manakala bagi me-reka yang berumur, ianya lebih kepada bahu tersepit (impingement) dan kebiasaannya ia membabitkan juga kecederaan (koyak) pada 'rotator cuff tendon'.

DATUK Dr Muhammad Fuad menerangkan struktur bahu pesakit yang mengalami sakit sendi.

"Rotator cuff mudah koyak, terutama pada pesakit yang sudah berusia, ini disebabkan bekalan darah berkurangan pada tisu tendon 'rotator cuff'," katanya.

Sekiranya pesakit berdepan dengan gejala sakit bahu ini, beliau menyarankan supaya mendapatkan rawatan di hospital dengan secepat mungkin.

"Pesakit yang mendapatkan rawatan akan ditanya berkenaan punca awal mekanisme sakit yang dialami dan adakah sakit itu mengganggu aktiviti harian mereka. Ini diikuti pula dengan pemeriksaan fizikal.

"Kemudian, kita akan buat pemeriksaan menerusi imbasan X-ray, ultrasound, CT scan atau Imbasan Pengimejan Resonans Magnetik (MRI) bagi mengenal pasti punca kesakitan sama ada ia melibatkan tulang, sendi, tisu atau otot.

"Kaedah rawatan yang dicadangkan bergantung kepada keputusan pemeriksaan. Terdapat pelbagai kaedah bermula dengan pemberian ubat penahan sakit, suntikan mahupun fisioterapi dan pembedahan sekiranya perlu" katanya.

Pada masa sekarang, pembedahan adalah menggunakan peralatan canggih secara artroskopi, iaitu memasukkan kamera kecil ke dalam sendi. Luka pada pesakit amat kecil dan ini dapat mengurangkan masa untuk seseorang pesakit itu untuk sembuh dan dapat berfungsi seperti biasa.

Dr Muhamad Fuad yang pernah berkhidmat dalam acara permotoran antarabangsa MotoGP sejak 1999 hingga 2015 memberitahu, beliau pernah merawat Colin Edwards yang mengalami 'dislocated shoulder' atau sendi bahu terkeluar daripada posisi asal akibat terjatuh daripada motosikal yang ditungganginya pada Moto GP 2011.

"Masalah kesakitan bahu boleh dikenal pasti dan dirawat cuma kadang-kadang pesakit yang sakit bahu ini mereka lebih suka rawat sendiri."

MelakaKini

MELAKA KINI SDN. BHD.
KENYATAAN TENDER

Melaka Kini Sdn. Bhd. adalah penerbit kepada akhbar rasmi Kerajaan Negeri Melaka yang bertajuk Melaka Hari Ini. Pihak kami mempelawa kontraktor-kontraktor untuk memasuki tender terbuka bagi percetakan akhbar berkenaan. Tender ini mempelawa kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) dalam bidang perkhidmatan di bawah bidang atau sub bidang yang berkaitan sahaja dan masih dibenarkan menyertai tender berikut:

BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA	HARGA DOKUMEN SEBUT HARGA	KOD BIDANG PENDAFTARAN	SYARAT UTAMA PELAWAAN	TARIKH SEBUT HARGA DITUTUP
Mencetak Dan Membekal Akhbar Melaka Hari Ini (MHI)	RM 50.00	221601 Mencetak Buku, Majalah, Laporan Akhbar (perlu lesen KDN)	1. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan berdaftar dengan kod bidang yang ditetapkan. 2. Tempoh pendaftaran dengan Kementerian Kewangan masih sah. 3. Mempunyai lesen percetakan dan masih sah.	Rabu, 15 Julai 2020 pada jam 12.00 tengah hari Sebut harga yang lewat diterima tidak akan dilayan

Segala butir dokumen tender boleh didapati semasa waktu pejabat **9.00 pagi hingga 5.00 petang** di **Melaka Kini Sdn Bhd** beralamat di **Bangunan Rumah Media Melaka, Jalan Lingkaran MITC, 75450 Ayer Keroh Melaka bermula pada 16 Jun 2020**. Dokumen Tender adalah dijual dengan kadar RM50.00 bagi setiap satu (1) set.

Dokumen Tender hanya dikeluarkan kepada kontraktor atau wakil kontraktor yang membawa **Sijil Pendaftaran ASAL** dan **SALINAN Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan dalam sub-sub bidang yang ditetapkan.**

Tender ini akan ditutup pada **15 Julai 2020** dan dokumen tender hendaklah dihantar ke **Pejabat Pengurusan Melaka Kini Sdn Bhd** di **Bangunan Rumah Media Melaka, Jalan Lingkaran MITC, 75450 Melaka tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada hari tersebut**.

BERSATU TEGUH
MELAKA
Tahniah
100 HARI
KEPIMPINAN
YAB DATUK HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
16 JUN 2020
Ikhlas Daripada
MAJLIS PERBANDARAN
MPHTJ
Bandaraya Pintar
HANG TUAH JAYA
YANG DI-PERTUA, AHLI MAJLIS,
DAN SELURUH WARGA KERJA MPHTJ

"Ia hanya muncul sekejap sebelum menghilangkan diri, mungkin tidak mahu diganggu atau diancam"

Sungai Kesang kian memukau

Saliawati Salberi & Mohamad Fazrul Abdul Majid

SEKALI imbas ramai yang menyangka pemandangan sungai yang jernih berwarna biru kehijauan ini seperti di luar negara.

Namun, sangkaan itu salah sama sekali!

Pemandangan indah seperti ini boleh anda saksikan sendiri di Melaka.

Ya, lokasi yang menjadi tular di media sosial baru-baru ini sebenarnya hanyalah terletak di Sungai Kesang di daerah Jasin.

Menurut penduduk setempat, air sungai berkenaan mula bertukar jernih sejak kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Mac lalu.

Disebabkan panoramanya yang memukau, lokasi berkenaan mula menjadi tumpuan penduduk dan pelancong dari negeri lain.

Cantik, memang cantik, namun harus diingat pengunjung dilarang sama sekali untuk mandi-manda di sungai berkenaan memandangkan sungai itu juga merupakan habitat buaya.

Menurut, Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (Perhilitan) Melaka, Mohd Hasdi Husin, kawasan sungai itu dikesan terdapat habitat buaya tembaga pada 2018 ekoran aduan penduduk berhubung kehadiran reptilia berkenaan.

"Papan tanda amaran diletakkan di kawasan itu dan orang ramai diingatkan agar tidak mandi-manda kerana bimbang akan berlaku kejadian tidak diingini.

"Reptilia ini selagi ada makanan dan habitatnya tidak diganggu, ia akan berada di situ cuma tidak menampakkan diri," katanya baru-baru ini.

Seorang penduduk, Kamil Abdullah, 55, mengakui pernah beberapa kali melihat kelibat reptilia berkenaan berjemur di bawah jambatan berdekatan.

"Ia hanya muncul sekejap sebelum menghilangkan diri, mungkin tidak mahu diganggu atau diancam," katanya.

TIDAK digalakkan meletakkan kaki ke dalam air memandangkan sungai berkenaan turut menjadi habitat buaya tembaga. KREDIT FOTO: CJ Fen

Setinggi-tinggi Tahniah

Kepada

Tuan Yang Terutama
Tun Datuk Seri (Dr.) Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam

S.M.N., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.

Di atas pelantikan sebagai

Yang di-Pertua Negeri Melaka Ke-7

Setulus Ikhlas daripada

YB DATUK MUHAMMAD JAILANI KHAMIS
Pengerusi Jawatankuasa
Pelancongan, Warisan
dan Kebudayaan

BERSATU TEGUH
MELAKA
Tahniah
100 HARI
KEPIMPINAN
YAB DATUK HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
16 JUN 2020
Ikhlas Daripada
YB DATUK MUHAMMAD JAILANI KHAMIS
Pengerusi Jawatankuasa
Pelancongan, Warisan
dan Kebudayaan

Setinggi-tinggi Tahniah

Kepada

Tuan Yang Terutama
Tun Datuk Seri (Dr.) Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam

S.M.N., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.

Di atas pelantikan sebagai

Yang di-Pertua Negeri Melaka Ke-7

Setulus Ikhlas daripada

SPA AUTOPART GROUP
SPA City

S.P.A. GROUP OF COMPANIES

DATO' SRI STEVEN LIM TECK BOON
(SSAP, DPSM, DSM, BKT)

DATO' LIM CHAW TENG
(DIMP, JP, BCM)

BERSATU TEGUH
MELAKA
Tahniah
100 HARI
KEPIMPINAN
YAB DATUK HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
16 JUN 2020
Ikhlas Daripada
SPA AUTOPART GROUP
SPA City
S.P.A. GROUP OF COMPANIES
DATO' SRI STEVEN LIM TECK BOON
(SSAP, DPSM, DSM, BKT)
DATO' LIM CHAW TENG
(DIMP, JP, BCM)

"Memastikan suntikan kewangan pasukan sentiasa mencukupi meskipun ekonomi dunia terkesan dengan penularan wabak Covid-19.
Ketua Menteri Melaka
Datuk Haji Sulaiman Md Ali

Amanat Presiden untuk MU

Mohamad Fazrul Abdul Majid

KETUA Menteri, Datuk Haji Sulaiman Md Ali memberikan kata-kata semangat kepada pemain Melaka United dalam lawatannya ke Wisma Persatuan Bola Sepak Melaka United (MUSA), di sini.

Menurut satu kenyataan di laman Facebook MUSA, Sulaiman yang juga Presiden MUSA dipetik berkata, beliau akan memastikan suntikan kewangan pasukan sentiasa mencukupi meskipun ekonomi dunia terkesan dengan penularan wabak Covid-19.

Selain itu, beliau turut menuntut warga MUSA khususnya para pemain untuk kekal bersama pasukan dan meletak sepenuh kepercayaan kepada pihak pengurusan.

"Beliau (Sulaiman) yakin segala kekangan kewangan yang dihadapi persatuan akan dapat diselesaikan sedikit masa lagi dan meminta para pemain untuk memberi kepercayaan sepenuhnya kepada pihak MUSA," kata kenyataan itu.

Dalam kunjungan itu, Sulaiman meluangkan masa selama 30 minit meninjau operasi persatuan serta bertemu para pemain, pegawai Melaka United serta warga kerja persatuan.

Turut hadir, Setiausaha Agung MUSA, Mohd Asri Ninggal dan Bendahari Kehormat MUSA, Datuk Mohd Saiful Mat Sapri.

PENYERANG Melaka United, MUHAMMAD Ferris Danial Mat Nasir

"Langkah awal kembali ke kancah bola sepak itu bergantung kepada keputusan ujian calitan (swab test) Covid-19".
Timbalan Presiden MUSA
Datuk Wira Mohd Yusoff Mahadi

MU kembali ke padang

PEMAIN dan pegawai kejurulatihan Melaka United (MU) dijangka kembali ke padang bermula minggu ini selepas lebih tiga bulan berehat akibat pandemik Covid-19.

Timbalan Presiden Persatuan Bola Sepak Melaka United (MUSA), Datuk Wira Mohd Yusoff Mahadi berkata langkah awal kembali ke kancah bola sepak itu bergantung kepada keputusan ujian calitan (swab test) Covid-19 yang telah dijalankan di Stadium Hang Jebat, Selasa lalu.

"Ujian ini (swab test) diwajibkan kepada setiap pasukan dan pemain seperti yang tertakluk dalam prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan Malaysian Football League (MFL).

"SOP ini juga selaras dengan ketetapan Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang mana selepas jika ujian didapati negatif Covid-19, maka barulah pasukan dibenarkan kembali berlatih.

"Saya menjangkakan kita akan kembali memulakan latihan bermula minggu ini, apa pun bergantung kepada penilaian Ketua Jurulatih, Zainal Abidin Hassan," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini (MHI).

Sementara itu, Setiausaha Agung MUSA, Mohd Asri Ninggal berkata, latihan pasukan Melaka United hanya akan dijalankan secara tertutup sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

"Keputusan diperoleh dalam tempoh 48 jam dan selepas itu barulah latihan berpasukan tanpa sentuhan dimulakan mengikut SOP yang ditetapkan. Setiap latihan juga hanya akan dilaksanakan secara tertutup," katanya.

Diterbitkan oleh Melaka Kini Sdn. Bhd., Bangunan Rumah Media Melaka, Jalan Lingkaran MITC, 75450 Ayer Keroh, Melaka. Tel : 06 - 251 9314, 251 9315 Faks : 06 - 251 9316
Dicetak oleh NAJ Press Resources (M) Sdn. Bhd, Lot 19, Jalan Lada Hitam 16/12, Seksyen 16, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan